

24/04/2001

Peruntukan RM1b rangsang pelancongan

KUALA LUMPUR, Isnin - Persatuan pelancongan di negara ini yakin peruntukan RM1 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) untuk pembangunan pelancongan dapat merangsang industri itu yang kemudian bertindak sebagai penyumbang utama ekonomi negara.

Malah mereka berpendapat, langkah kerajaan memberikan tumpuan kepada sektor pelancongan tepat pada masanya selaras dengan perkembangan pasaran terbuka pada 2003.

Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (Bumitra), Datuk Yaakub Shah Ali Shah, berkata perhatian yang diberikan kerajaan kepada pembangunan pelancongan bukan saja memberi faedah kepada pihak industri malah pembangunan ekonomi negara.

Katanya, Bumitra mengalu-alukan langkah kerajaan itu dan berharap pembangunan pelancongan kelak mampu meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia.

"Peruntukan yang disediakan kerajaan dapat meluaskan lagi program pelancongan dan sasaran 14.3 juta pelancong mungkin akan dapat dicapai pada 2005," katanya mengulas mengenai peruntukan RM1 bilion dalam RM-8 seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, hari ini.

Dalam RM-8, sektor pelancongan dijangka mengalami pertumbuhan pada kadar purata 6.9 peratus setahun dan kira-kira 14.3 juta pelancong dijangka datang ke negara ini pada 2005.

Yaakub berkata, cadangan penubuhan pihak berkuasa pelancongan dan kebudayaan di setiap negeri bertujuan menghidupkan industri pembuatan dan kesenian terutama di luar bandar.

"Ia akan meningkatkan industri hiliran berasaskan pelancongan terutama kraftangan dan cenderamata yang mana pada masa sama memberi pendapatan kepada penduduk luar bandar," katanya.

Sementara itu, Persatuan Pengusaha Hotel Malaysia (MAH) menganggap peruntukan RM1 bilion akan dapat meningkat dan memperkasa pelbagai sektor berkaitan pelancongan.

(END)